



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**KERAJAAN MADANI MENYERU PENGGUNAAN BAHAN API
SECARA BERHEMAT BAGI MEMELIHARA KESTABILAN BEKALAN NEGARA**

Kerajaan MADANI menyeru rakyat agar terus mengamalkan penggunaan bahan api secara berhemat bagi membantu memelihara kestabilan bekalan negara susulan ketidakpastian pasaran petroleum global yang masih berlarutan.

Harga petroleum masih kekal tinggi, melebihi AS\$100 setong, berikutan ketiadaan penyelesaian terhadap konflik di Asia Barat. Keadaan ini turut menjurus kepada kekangan bekalan minyak mentah dan produk petroleum global, yang semakin meruncing akibat kerosakan kemudahan pengeluaran dan penapisan minyak di rantau tersebut.

Berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) yang mengambil kira purata harga minggu terdahulu, penetapan harga runcit petrol dan diesel bagi tempoh **7 Mei hingga 13 Mei 2026** adalah seperti berikut:

Harga Runcit

Bahan Api	Harga Runcit	Perubahan
RON97	RM4.90 seliter (harga 6 Mei 2026: RM4.90 seliter)	Tiada perubahan
RON95	RM4.02 seliter (harga 6 Mei 2026: RM3.97 seliter)	Naik 5 sen seliter
Diesel (Semenanjung Malaysia)	RM5.17 seliter (harga 6 Mei 2026: RM5.12 seliter)	Naik 5 sen seliter

Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI terus mengekalkan **harga produk petroleum bersubsidi** secara bersasar bagi membantu memelihara kelangsungan hidup rakyat dan operasi sektor tertentu dalam keadaan pasaran global yang masih tidak menentu. Harga bersubsidi yang dikekalkan adalah seperti berikut:

Bahan Api	Harga Subsidi
RON95 (BUDI95)	RM1.99 seliter
Diesel (Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan)	RM2.15 seliter
Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS)	RM2.05 seliter
Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)	RM2.15 seliter

Bagi mengimbangi kos sara hidup rakyat dan keperluan perbelanjaan fiskal secara berhemat, Kerajaan MADANI akan terus mengambil pendekatan berhemah bagi melindungi rakyat daripada turun naik harga, di samping memastikan bekalan bahan api negara kekal mencukupi dan terjamin.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

6 Mei 2026